



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
Aras 1, 6, dan 7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853000/88854000
Faks : 03-88892205/2204/2202
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami: JPA.(S)TT 343 Jld.2(67)
Tarikh : 26 Mac 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

**TINDAKAN TATATERTIB KE ATAS PEGAWAI AWAM YANG
MENGEMUKAKAN SIJIL CUTI SAKIT PALSU ATAU MEMINDA SIJIL
CUTI SAKIT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, pegawai yang sakit dan setelah diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta, akan diberi Sijil Cuti Sakit bagi tempoh tertentu. Sijil berkenaan boleh melayakkan pegawai mendapat kemudahan Cuti Sakit setelah dikemukakan kepada Ketua Jabatan.
3. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan pegawai awam mengemukakan Sijil Cuti Sakit palsu atau meminda Sijil Cuti Sakit. Bagi membendung isu ini, pihak tuan hendaklah mendapatkan pengesahan Sijil Cuti Sakit yang di kemukakan oleh pegawai daripada hospital atau klinik yang berkenaan sekiranya terdapat keraguan.
4. Jika terdapat mana-mana pegawai yang didapati mengemukakan Sijil Cuti Sakit palsu atau meminda Sijil Cuti Sakit berkenaan, tindakan berikut hendaklah diambil:


- a) melucutkan hak emolumen pegawai pada hari pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti;
- b) membuat laporan Polis sekiranya Sijil Cuti Sakit berkenaan diperoleh daripada sindiket menjual Sijil Cuti Sakit; dan
- c) **mengambil tindakan tatatertib sehingga hukuman buang kerja ke atas pegawai** kerana berkelakuan tidak jujur atau tidak amanah serta tidak bertanggungjawab iaitu melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(f) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993].

5. Tindakan yang pantas dan tegas daripada pihak tuan diharap dapat membendung perbuatan sedemikian daripada berulang dan menjadi langkah pencegahan yang berkesan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. MOHD. AZHAR BIN HAJI YAHAYA)

Pengarah

Bahagian Perkhidmatan

b.p: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Jabatan Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan